



KENYATAAN AKHBAR
PENGARAH KANAN PERKHIDMATAN FARMASI
RAMPASAN PRODUK KESIHATAN DAN KOSMETIK TERLARANG

Dua operasi bersepadu oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama-sama dengan Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri seluruh Malaysia telah dijalankan secara serentak pada **18 November 2020** dan juga pada **23 November 2020**. Operasi bersepadu yang dipanggil '**Ops Minyak**' dan '**Ops Kasturi**' ini melibatkan rampasan penjualan produk-produk tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dan juga kosmetik yang tidak bernetifikasi dengan KKM.

Nilai keseluruhan rampasan produk dalam kedua-dua operasi tersebut dianggarkan bernilai **RM350 ribu** melibatkan serbuan ke atas **37 buah rangkaian pasaraya terkenal** dan juga di **33 buah kedai runcit** di kawasan tumpuan perniagaan di seluruh Malaysia. Sebanyak 207 jenis item yang dirampas merangkumi produk-produk tidak berdaftar dengan PBKD dan juga kosmetik yang tidak bernetifikasi dengan KKM termasuk produk pensanitasi tangan. Produk-produk yang dirampas tersebut merupakan produk yang berasal dari luar negara yang mungkin dibawa masuk secara haram untuk pasaran Malaysia.

Bagi kes memiliki produk tidak berdaftar, kes disiasat di bawah Peraturan 7(1)(a) Peraturan-peraturan Kawalan Dadah & Kosmetik 1984 yang merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan 30(1), peraturan yang sama. Manakala, bagi kes memiliki kosmetik tidak bernetifikasi, kes disiasat di bawah Peraturan 18A(1)(a) Peraturan-peraturan Kawalan Dadah & Kosmetik 1984 yang merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan 18A (15) peraturan yang sama.

Kedua-dua kes boleh dihukum di bawah Seksyen 12(1) Akta Jualan Dadah 1952 iaitu denda tidak lebih RM25,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun penjara atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama dan denda tidak lebih RM 50,000 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan kedua dan berikutnya.

Orang awam dinasihatkan berhati-hati semasa membeli atau menggunakan produk kesihatan dan kosmetik di pasaran. Produk kesihatan dan kosmetik perlu diperolehi daripada sumber yang disahkan sahaja. Terdapat produk kesihatan/kosmetik dicampur dengan racun bertujuan membuktikan keberkesanan produk kesihatan/kosmetik jualan mereka. Apabila pengguna mengambilnya dan merasai kesan yang sungguh ketara, mereka akan kerap membelinya lagi. Itu adalah teknik pemasaran tidak bertanggungjawab yang membahayakan kesihatan serta nyawa para pengguna.

Pengguna hendaklah sentiasa berwaspada semasa membuat pembelian produk kesihatan di laman sosial mahupun secara dalam talian bagi mengelakkan risiko mendapat produk yang tidak berdaftar, produk tiruan atau dicampurpalsu dengan racun berjadual atau kosmetik yang tidak bernetifikasi yang boleh memudaratkan kesihatan serta nyawa para pengguna. Pengguna dinasihatkan supaya membeli produk kesihatan dari sumber yang sah.

Pengguna juga perlu sentiasa memastikan dan menyemak label produk dan memastikan produk kesihatan yang dijual mempunyai pelekat Hologram dan Nombor Pendaftaran Produk (MAL) selain memastikan kosmetik yang dijual adalah bernetifikasi. Maklumat tersebut boleh disemak dengan melayari laman sesawang <http://www.npra.gov.my> di ruangan “*Product Status*” ATAU dengan menghubungi terus Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan 1-800-88-6722. Selain itu, orang ramai boleh muat turun aplikasi *NPRA Product Status* daripada *Google Play Store* bagi tujuan semakan tersebut.

Sebarang aduan berkaitan produk tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi boleh disalurkan kepada Program Perkhidmatan Farmasi, KKM melalui laman sesawang <http://www.pharmacy.gov.my> ATAU melalui portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di alamat <http://moh.spab.gov.my> ATAU mana-mana Cawangan Penguatkuasaan Farmasi yang berdekatan ATAU melalui talian 03-78413200 agar tindakan yang sewajarnya dapat di ambil bagi membanteras penjualan produk-produk sedemikian di pasaran.

DATIN DR. FARIDAH ARYANI BINTI MD. YUSOF
PENGARAH KANAN PERKHIDMATAN FARMASI
4 DISEMBER 2020